



KUIS dinaik taraf sebagai universiti

Oleh **Fadhilah Mazlan** - Oktober 14, 2022 @ 5:12pm
bhnews@bh.com.my



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima menghadap Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar bagi mempersemprehan watikah rasmi naik taraf KUIS sebagai UIS di Istana Bukit Kayangan semalam. - Foto ihsan MAIS

KUALA LUMPUR: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dinaik taraf sebagai Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS) berkuat kuasa hari ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata naik taraf itu membuktikan universiti itu setanding dengan institusi pengajian tinggi lain.

Katanya, dengan naik taraf itu, MAIS berharap UIS akan sentiasa mengekalkan momentum kecemerlangan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi dan memaksimumkan penghasilan pelajar cemerlang serta berkualiti dalam bidang profesional dan hebat di sisi agama.

"UIS perlu sentiasa mengorak langkah komprehensif serta mengambil peluang agar dapat membuktikan pengalaman 27 tahun mengelola pengajian tinggi ini akan merealisasikan kejayaan apabila menjadi sebuah universiti," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz meminta ibu bapa dan pelajar agar memilih UIS sebagai institusi pilihan utama untuk melanjutkan pengajian yang berteraskan syariah Islamiah.

Beliau berkata, semalam Sultan Selangor berkenan menerima menghadap Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar bagi mempersembahkan watikah rasmi naik taraf KUIS sebagai UIS.

Yang turut hadir dalam sesi menghadap itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim; Abdul Aziz; Anggota MAIS, Datuk Salehuddin Saidin; Rektor KUIS, Prof Madya Datuk

Dr Mohd Farid Ravi Abdullah dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Husaini Omar.

UIS adalah sebuah institusi pengajian tinggi Islam milik penuh MAIS yang ditubuhkan pada 15 Februari 1995 di bawah akta IPTS 1996.

Institusi itu menawarkan pelbagai bidang pengajian di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah yang telah memenuhi perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, pendidikan, komunikasi, dan teknologi maklumat yang berdaya saing dan kompetitif.